

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini mendapati ia bermanfaat: **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

1 Apakah BizPAC PA?

BizPAC PA menyediakan pampasan akibat kecederaan, kecacatan, atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh keadaan di mana berlakunya perlakuan kejam secara tidak sengaja, luaran dan dapat dilihat. Selain itu, polisi ini menyediakan perlindungan untuk fi ambulans, pendapatan harian hospital akibat kemalangan, pemulihan denggi dan faedah bonus pembaharuan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM307.00** setahun (termasuk cukai perkhidmatan dan duti setem), anda akan menerima **perlindungan Pelan 1*** berikut:

Andaian premium: Jumlah Diinsuranskan RM100,000, Pekerja Pejabat, Kelas 1 dan berumur 30 tahun.

Polisi ini **melindungi**:

No.	Faedah-Faedah	Jumlah Diinsuranskan (RM)		
		Pelan 1*	Pelan 2	Pelan 3
1	Kematian Akibat Kemalangan	100,000	200,000	500,000
2	Hilang Upaya Kekal (sehingga)	100,000	200,000	500,000
3	Fi Ambulans (sehingga)	500	500	500
4	Elaun Hospital Harian akibat Kemalangan (maksimum sehingga 20 hari, setiap kemalangan)	150 sehari	250 sehari	300 sehari
5	Pemulihan Denggi (setiap tahun)	1,500	2,000	2,500
6	Bonus Pembaharuan	Kenaikan 10% setiap tahun sehingga maksimum 50% daripada jumlah asas diinsuranskan bagi Faedah 1 dan Faedah 2		
Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)		275	510	940

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 8121



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Bunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja;
- Penyakit sedia ada, gangguan mental tau kelemahan fizikal.
- Kehamilan, atau melahirkan anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan.
- AIDS atau sebarang penyakit berkaitan atau diuji dengan ujian darah berkaitan HIV/AIDS.
- Mengambil dadah, melainkan anda membuktikan bahawa dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang betul dan arahan yang diberikan, dan bukan untuk rawatan ketagihan dadah.
- Rawatan ketagihan alkohol atau mabuk.
- Pembedahan kosmetik atau plastik atau sebarang pembedahan pilihan atau kecacatan kongenital.
- Rawatan untuk masalah gigi, penjagaan gigi atau pembedahan.
- Rawatan untuk obesiti/peningkatan berkaitan berat badan.
- Pemeriksaan umum, pemulihan, penjagaan atau rawatan rehat.
- Sebarang penyakit yang disebarkan melalui hubungan seks.
- Melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang.
- Orang yang Diinsuranskan tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu kenderaan. Ini tidak akan terpakai jika Orang yang Diinsuranskan mempunyai lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak digantung daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah mana-mana undang-undang, peraturan atau peraturan-peraturan sedia ada.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk BizPAC PA, Pelan 1, anda mesti membayar premium berikut:

Perlindungan Asas	RM275.00 (setiap tahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak Berkenaan
Premium Kasar	RM275.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM22.00
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM307.00
Dimana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada Premium Kasar atau RM68.75

Sila ambil perhatian bahawa kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

4

Maklumat Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko.
- Maklumat tuntutan:
 - i) Tiada tuntutan diterima selagi bayaran premium belum dijelaskan.
 - ii) Semua tuntutan harus dimaklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh kerugian.
- Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Bilangan maksimum polisi yang boleh dibeli oleh mana-mana orang yang diinsuranskan ialah satu (1) aktif polisi sahaja.
- Polisi ini hanya boleh dibeli oleh orang yang diinsuranskan di bawah klasifikasi pekerjaan Kelas 1 atau Kelas 2 sahaja.
- Klasifikasi pekerjaan:
 - i) Kelas 1: Profesional dan pekerjaan yang melibatkan bukan manual, pentadbiran atau pengurusan, perkeranian dan bukan manual.
 - ii) Kelas 2: Orang yang terlibat dalam kerja penyeliaan tetapi tidak terlibat dalam kerja manual.
- Kelayakan –
 - i) Warganegara Malaysia atau penduduk tetap di Malaysia.
 - ii) Pemegang polisi mestilah berumur 18 tahun hingga 65 tahun, boleh diperbaharui sehingga umur 75 tahun.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.



Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika minimum premium dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.